






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KETIGA (Q3 2020)

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku ketiga 2020. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).
2. Pada Q3 2020, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 3.9% tahun-ke-tahun kepada 91.7 berbanding dengan Q3 2019, dan peningkatan sebanyak 8.4% berbanding dengan Q2 2020.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q3 2019	Dari Q2 2020
Q3 2020	91.7	-3.9%	8.4%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian harta tanah kediaman yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 182 transaksi pembelian harta tanah kediaman telah dicatatkan pada Q3 2020 berbanding dengan 115 transaksi pada Q2 2020. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* [53.9%]; diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* [19.2%]; rumah teres [17.0%]; pangsapuri [6.0%]; dan tanah [3.9%].

4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis harta tanah kediaman pada tempoh Q3 2020 adalah BND240,000. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 7.7% berbanding dengan Q3 2019, dan peningkatan sebanyak 0.8% berbanding dengan Q2 2020. Harga median bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND266,500; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND248,000; bagi rumah teres adalah BND208,800; bagi pangsapuri adalah BND215,000; dan bagi tanah adalah BND152,000.

5. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana harta tanah kerana harga harta tanah kediaman adalah berbeza tertakluk antaralainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web AMBD www.ambd.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 14 Jamadilawal 1442H/ 29 Disember 2020M

Rujukan: AMBD/COMMS/3